

Bangunan pasang

Oleh **UM 1** JAN 2002
ZULKIFLI ABDULLAH dan ZULKIFLI JALIL

PORT DICKSON 31 Dis. — Kerajaan akan menggunakan pendekatan terbaru bagi menangani masalah kelewatan pembinaan makmal komputer dengan memperkenalkan bangunan pasang siap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohaniad berkata, para kontraktor berkenaan akan dikehendaki menyediakan semua bahan binaan untuk menyiapkan antara 200 hingga 300 bilik makmal komputer.

Pada masa sama, kata beliau, kontraktor-kontraktor kecil kelas F akan dianugerahkan dua atau tiga projek bagi memasang komponen dan peralatan makmal tersebut di bawah penyeliaan kontraktor utama berkenaan.

“Dengan cara ini, kita harap tidak ada

lagilah (masalah pembinaan projek makmal komputer). Kalau dia (kontraktor utama) tidak buat sendiri (bangunan pasang siap), dia tidak akan dapat (kontrak).

“Oleh kerana kerjanya dikurangkan sedikit, kita boleh beri sampai dua atau tiga projek kepada dua kontraktor. Kerajaan sedang menyusun pendekatan ini dan kena ambil masa sikit,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan upacara Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Pengambilan ke-147 di Pusat Latihan Asas Tentera Darat Port Dickson (Pusasda), di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas laporan bahawa kontraktor-kontraktor perbekalan komputer yang tidak berpengalaman dalam bidang pembinaan telah diberi projek membina makmal komputer menyebabkan hampir 85 peratus projek itu gagal disiapkan.

Laporan bedah siasat mengenai kegaga-

siap untuk makmal komputer

lan itu juga mendedahkan bahawa syarikat-syarikat terbabit kurang memahami polisi dan peraturan kerajaan sehingga mendorong mereka enggan menandatangani perjanjian kontrak selagi tuntutan tidak dipenuhi oleh kerajaan.

Semua hasil bedah siasat ini terkandung dalam laporan Bahagian Pembangunan, Penswastaaan dan Bekalan Kementerian Pendidikan.

Tidak berpengalaman

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan menyedari banyak kontraktor projek pembinaan makmal komputer tidak mempunyai pengalaman.

Malah, katanya, lebih malang lagi kadang-kadang mereka tidak berusaha untuk menimba pengalaman.

“Tetapi kalau kita tidak bagi (kontrak), maka akan ada tuduhan kerajaan pilih

kasih, kita bagi kepada orang tertentu sahaja dan tidak kepada semua.

“Dan kali ini, kita bagi kepada semua dan kita dapati ramai yang tidak berminat, bahkan mereka berminat untuk menjual kontrak mereka sampai dua tiga kali jual. Akhirnya, kawan yang betul-betul nak bina tu, untungnya sikit sangat,” katanya.

Oleh sebab itu, jelas beliau, kerajaan mencari pendekatan lain dengan menghendaki kontraktor utama menyiapkan dahulu bangunan makmal pasang siap sebelum mengagihkan projek tertentu kepada subkontraktor.

Ditanya mengenai tindakan ke atas kontraktor yang masih gagal membina projek makmal komputer mengikut jadual yang ditetapkan, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mencari jalan supaya mereka terus menyiapkannya.

“Kita akan menukar kontraktor terbabit

dengan kontraktor lain dan jangan marah (jika ini berlaku),” katanya.

Kelewatan menyiapkan hampir 85 peratus projek makmal komputer didedahkan oleh *Mingguan Malaysia*. Ahad lalu walau pun Kementerian Pendidikan telah melanjutkan tempoh buat kali ketiga bagi empat kontraktor utama menyiapkannya sehingga akhir bulan ini.

Sehingga 15 Disember lalu, daripada 1,840 projek makmal komputer di empat zon Semenanjung, 195 daripadanya masih belum dibina terutama di zon timur walaupun tempoh menyiapkan kesemua makmal tersebut telah tamat.

Lebih mengejutkan, daripada jumlah tersebut, hanya 48 projek pembinaan makmal komputer yang berjaya disiapkan sepenuhnya, manakala 1,597 projek masih dalam pembinaan.